



# UNIVERSITI UTARA MALAYSIA

06010 UUM Sintok, Kedah Darul Aman, Malaysia. Tel: 604 - 928 4000

Jabatan Pendaftar

'KEDAH SEJAHTERA'

UUM/PEN/I-1/2

31 Januari 2010

Pendaftar  
Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)  
43600 UKM, Bangi  
Selangor Darul Ehsan

Tuan/Puan

## IKLAN KEKOSONGAN JAWATAN TIMBALAN NAIB CANSOLOR (PENYELIDIKAN DAN INOVASI) DAN TIMBALAN NAIB CANSOLOR (HAL EHWAL PELAJAR DAN ALUMNI) DI UNIVERSITI UTARA MALAYSIA

Saya adalah diarah merujuk perkara di atas.

Bersama-sama ini disertakan iklan kekosongan jawatan Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) dan Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni) di Universiti Utara Malaysia untuk dihebahkan kepada staf-staf akademik di Universiti tuan/puan.

Sekian, terima kasih.

"ILMU BUDI BAKTI"

Saya yang menurut perintah

(NOOR AZMAN YUSOF)

Timbalan Pendaftar  
b.p. Pendaftar

No. Tel : 04-9283024/No. Faks : 04-9284188  
Emel : [azman127@uum.edu.my](mailto:azman127@uum.edu.my)





# UNIVERSITI UTARA MALAYSIA

06010 UUM Sintok, Kedah Darul Aman, Malaysia. Tel: 604 - 928 4000



**Jabatan Pendaftar**

**'KEDAH SEJAHTERA'**

UUM/PEN/I-1/2

28 Januari 2010

Semua Kakitangan Akademik  
Institut Pendidikan Tinggi Awam Malaysia

Tuan/Puan

## IKLAN JAWATAN TIMBALAN NAIB CANSOLOR GRED UTAMA B (VU6) DI UNIVERSITI UTARA MALAYSIA

Dengan hormatnya saya diarah merujuk perkara di atas.

Universiti Utara Malaysia mempelawa kakitangan akademik Institut Pendidikan Tinggi Awam Malaysia yang berminat untuk mengisi jawatan-jawatan berikut:

- 1) Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi)
- 2) Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni)

Pemohon hendaklah mengemukakan maklumat-maklumat berikut:

- 1) 'Curriculum Vitae' (CV) yang terkini.
- 2) Ringkasan perancangan sekiranya berjaya dilantik.


Maklumat mengenai bidang tugas serta tanggungjawab adalah dilampirkan. Tarikh tutup permohonan ialah pada 18 Februari 2010 dan permohonan hendaklah dikemukakan kepada:

Pendaftar  
Universiti Utara Malaysia  
06010 UUM Sintok  
Kedah

Sekian, terima kasih.

**"ILMU BUDI BAKTI"**

Saya yang menurut perintah

  
**(HARUN AMIN)**  
Pendaftar

No. Tel : 04-9283021/No. Fax : 04-9283046  
Emel : [harun@uum.edu.my](mailto:harun@uum.edu.my)





## IKLAN JAWATAN TIMBALAN NAIB CANSOLOR UNIVERSITI UTARA MALAYSIA

### A) BUTIR-BUTIR JAWATAN

1. Jawatan :
  - i) Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi)
  - ii) Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni)
2. Gred Jawatan : Gred Utama B (VU6)
3. Gaji : RM7,145.00 - RM10,270.05
4. Bentuk Lantikan : Tukar Sementara/Pinjaman

### B) KRITERIA UMUM

Seseorang calon hendaklah memiliki kriteria-kriteria berikut:

#### i) Kecemerlangan Akademik

Penyandang mestilah mempunyai kelayakan PhD, mendapat *command of respect* dari kalangan rakan sejawat, mempunyai rekod cemerlang dalam penyelidikan, penerbitan jurnal berwastit antarabangsa, inovasi dalam pengajaran dan cemerlang dalam khidmat professional.

#### ii) Pengiktirafan Antarabangsa

Penyandang mestilah diiktiraf oleh *peers* antarabangsa sebagai pakar dalam bidangnya, mempunyai jaringan antarabangsa yang kukuh, pernah menerima pelbagai anugerah dan pengiktirafan dari organisasi terkemuka luar negara.

iii) **Kebolehan Memimpin dan Mengurus**

Penyandang mestilah mempunyai *people skills* yang boleh meneraju transformasi, mempunyai gagasan, visi dan misi serta mampu menggerakkan komuniti kampus ke arah budaya kecemerlangan akademik. Ditambah dengan kemahiran komunikasi dan *interpersonal* yang mantap. Pengalaman dan rekod cemerlang pimpinan akademik merupakan antara ciri utama dalam menentukan kebolehmampuan calon.

iv) **Reputasi**

Menjadi "*role model*" kepada semua peringkat staf, mempunyai pengalaman dan *proven track record* serta disanjung baik serta dihormati oleh masyarakat kampus dan luar.

v) **Personaliti**

Penyandang mestilah seorang yang berwibawa, berkarisma, bersahsiah tinggi, *team player*, serta mempunyai motivasi dalaman untuk memacu kecemerlangan universiti. Calon juga mestilah memahami aspirasi Negara untuk membangunkan modal insan bermentaliti kelas pertama.

vi) Lain-lain kriteria yang difikirkan sesuai berdasarkan *niche area* universiti.

C) **KRITERIA KHUSUS**

a) **Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi)**

i) **Pengalaman Membida Projek Penyelidikan Dengan Jaya**

Ini merupakan tugas hakiki Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi). Calon bukan sahaja berpengalaman menjalankan penyelidikan sebagai Penyelidik Utama (PI) tetapi menjadi peneraju IPT masing-masing untuk membida dana penyelidikan dari dalam dan luar negara.

ii) **Mahir Mensistesis Instrument Komitmen Penyelidikan (RU Instrument)**

KPI Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) utama adalah meneraju penyelidikan di IPT masing-masing. Calon bukan sahaja mahir mengenai instrumen tersebut tetapi telah menunjukkan rekod cemerlang mentransformasi penyelidikan sekurang-kurangnya di peringkat Institut, *Centre of Excellence (COE)* atau fakulti.

**iii) Mempunyai Jaringan Hubungan Yang Luas**

Penyandang mestilah mempunyai jaringan hubungan yang luas dengan Industri di peringkat serantau dan antarabangsa. Ini kerana selain bertanggungjawab mendapatkan projek-projek dan geran-geran penyelidikan dari sektor awam dan swasta penyandang juga bertanggungjawab mempromosikan dan mengkomersialkan hasil-hasil penyelidikan di dalam dan luar negara.

**iv) Berkemampuan Dalam Menguruskan Aktiviti Berkaitan Harta Intelek**

Penyandang mestilah seorang individu yang mampu menguruskan aktiviti-aktiviti yang berkaitan dengan harta intelek seperti penghasilan harta intelek dan latihan yang berkaitan. Ini adalah penting kerana pengurusan hubungan industri yang berkesan akan memberi pulangan kepada universiti melalui perlesenan dan pengkomersialan.

**v) Cemerlang Dalam Penyelidikan, Penerbitan Dan Urusan Pengkomersialan**

Penyandang mestilah mempunyai pengalaman yang luas dalam pengkomersialan produk penyelidikan, mempunyai *track record* dalam penyelidikan serta penghasilan artikel berkualiti dalam jurnal berwasit agar penyandang mempunyai reputasi tinggi dan dihormati oleh kelompok sebaya/setaraf.

**vi) Berpengalaman Sebagai Penyelia Yang Berjaya**

Penyandang mestilah mempunyai rekod yang cemerlang dalam penyeliaan pasca siswazah (Sarjana dan PhD) terutamanya dalam mod penyelidikan. Ini kerana penyandang bertanggungjawab menentukan halatuju penyelidikan universiti dan menerapkan *research culture* di kalangan ahli akademik dan para penyelidik.

**b) Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar Dan Alumni)**

**i) Berkemampuan Menguruskan Urusan Berkaitan Pembangunan Dan Hal Ehwal Pelajar**

Penyandang perlu mempunyai pengalaman dalam menguruskan perkara-perkara yang berkaitan dengan pembangunan dan hal ehwal pelajar. Ini adalah kerana penyandang bertanggungjawab menyelia aktiviti yang dianjurkan oleh persatuan pelajar, terutama Majlis Perwakilan Pelajar agar sebarang aktiviti yang dijalankan adalah selari dengan matlamat penubuhan universiti dan tidak bercanggah dengan dasar-dasar semasa kerajaan.

**ii) Aktif Dalam Ko-kurikulum Dan Berpengetahuan Dalam Merekabentuk Dan Melaksanakan Ko-kurikulum Berkredit Serta Program Pembangunan Pelajar Secara Holistik**

Penyandang mestilah mahir dalam merekabentuk ko-kurikulum berkredit berteraskan Hasil Pembelajaran (LO) dan Kemahiran Insaniah (KI) serta aras taksonomi pembelajaran yang selaras dengan atribut afektif yang perlu dihasilkan melalui ko-kurikulum. Calon perlu berpengalaman dalam menterjemah ko-kurikulum berkredit kepada program memperkasakan pelajar serta berupaya memberi kesedaran, dorongan dan galakan kepada pelajar untuk melibatkan diri secara aktif dalam aktiviti ko-kurikulum dalam usaha melahirkan pelajar yang seimbang dari segi jasmani, emosi, rohani dan intelek.

**iii) Penglibatan Dalam Jawatankuasa Yang Berkaitan Hal Ehwal Pelajar**

Penyandang jawatan ini akan terlibat dalam Jawatankuasa Kebajikan Pelajar, Jawatankuasa Tatatertib Pelajar dan Jawatankuasa-jawatankuasa lain yang berkaitan dengan hal ehwal pelajar. Oleh yang demikian, penyandang mestilah seorang individu yang *service-oriented* dan sentiasa bersedia mendekati pelajar bagi menjaga kebajikan mereka tidak kira siang ataupun malam. Penyandang juga perlu mempunyai pengetahuan dalam bidang psikologi dan kaunseling/rundingcara sebagai asas untuk mendekati pelajar dan mengetahui permasalahan mereka.

iv) **Berpengalaman Dalam Menguruskan Kolej-Kolej Kediaman**

Penyandang mestilah mempunyai asas dalam pengurusan. Ini adakan kerana pengurusan kolej-kolej kediaman di universiti merupakan tanggungjawab dan berada di bawah bidang kuasa Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni). Penyandang mestilah mempunyai kemahiran dalam penyelesaian masalah bagi menjaga keharmonian dan kesejahteraan pelajar agar perkhidmatan yang disediakan ini dapat melahirkan dan mewujudkan suasana pembelajaran yang kondusif.

v) **Mempunyai Jaringan Hubungan Yang Luas Serta Dihormati Dari Kalangan Alumni**

Penyandang mestilah mempunyai jaringan hubungan yang luas serta dihormati dari kalangan alumni. Ini adalah kerana pewujudan alumni adalah penting sebagai salah satu teras kepada pembangunan dan kemajuan universiti.

**D) PERMOHONAN**

Pemohon-pemohon dikehendaki mengemukakan surat permohonan, 'curriculum vitae' (cv) yang terkini dan ringkasan mengenai perancangan sekiranya dilantik kepada **Pendaftar, Universiti Utara Malaysia, 06010 UUM Sintok, Kedah** selewat-lewatnya pada 18 Februari 2010.

**E) PERTANYAAN**

Sebarang pertanyaan bolehlah dikemukakan kepada Encik Noor Azman Yusof, Timbalan Pendaftar, Jabatan Pendaftar, Universiti Utara Malaysia di talian : 04-9287000, no. fax : 04-9284188 atau emel : [azman127@uum.edu.my](mailto:azman127@uum.edu.my).